

## **KESILAPAN BERKAITAN TEKS DALAM PERISIAN DIGITAL ISLAM: KAJIAN KES TERHADAP PERISIAN AL-MAKTABAH AL-SYAMILAH DAN JAWAL' AL-KALIM**

A. Irwan Santeri bin Doll Kawaid  
Mohd Aminuddin bin Israbani  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
E-Mail: [a.irwan@usim.edu.my](mailto:a.irwan@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

Platform digital telah menjadi fenomena baru dalam kehidupan manusia hari ini. Antara bidang kehidupan yang terawal memanfaatkan platform ini adalah bidang ilmu pengetahuan. Bukan sahaja untuk aktiviti komunikasi, pembentangan dan pembelajaran, malah dalam menyelesaikan beberapa perkara rumit berkaitan sesuatu masalah ilmu. Tidak terkecuali dalam mengambil sisi positif platform ini ialah bidang pengajian Islam. Semenjak dari awal kemunculan era digital, pelbagai platform berkaitan ilmu Islam telah diwujudkan oleh pelbagai pihak. Tujuannya ialah bagi memudahkan umat Islam mendekati diri dengan ilmu-ilmu Islam. Platform-platform tersebut sama ada dalam bentuk perisian desktop, laman sesawang atau aplikasi talifon mudah alih. Mesra pengguna dan mempunyai sumber data yang banyak menjadi faktor mengapa platform-platform tersebut lebih menjadi pilihan. Selain untuk memperolehi maklumat, terdapat pelbagai fungsi tambahan lain yang memudahkan dalam menyelesaikan beberapa permasalahan berkaitan ilmu. Antara platform yang sering mendapat perhatian pengguna ialah platform digital berbentuk perisian. Rendah tahap dimanipulasi, data maklumat yang banyak serta mempunyai fungsi tambahan mesra pengguna menjadikan platform tersebut lebih popular. Banyak pihak yang bergantung kepada platform ini terutamanya dalam berinteraksi dengan teks. Namun, terdapat sesetengah pihak yang menggunakannya tidak melakukan sebarang semakan terhadap keabsahan teks-teks yang terdapat dalam perisian-perisian tersebut. Meskipun sesetengah perisian tersebut ada yang sering dinaik taraf sistem pengoperasiannya serta tahap kesilapan teks didakwa telah dikurangkan, namun tiada kajian terkini terhadap perkara tersebut. Bagi mengetahui tahap sebenar keabsahan teks yang terdapat perisian-perisian tersebut, satu kajian kes dilihat perlu dilakukan. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji tahap keabsahan teks yang terdapat dalam perisian-perisian ilmu berkaitan Islam dengan memfokuskan kajian terhadap dua perisian yang sering digunakan oleh umat Islam iaitu perisian al-Maktabah al-Syamilah versi 4.38 dan Jawami al-Kalim versi 4.5. Diharapkan agar dapatan kajian ini dapat mendedahkan ketepatan teks yang terdapat dalam perisian-perisian tersebut serta dapat membantu para pengguna dalam mengenalpasti kesilapan yang berlaku.

**Kata Kunci:** kesilapan, teks, perisian, al-Maktabah al-Syamilah, Jawami al-Kalim.

### **PENDAHULUAN**

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadi suatu yang lumrah dalam kehidupan manusia hari ini. Dalam bidang pendidikan, selain bagi tujuan pembentangan, interaktif dan komunikasi, banyak lagi kemudahan berkaitan ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan daripada kemajuan itu. Dalam bidang ilmu hadis, telah terdapat banyak aplikasi ICT berkaitan

dengan hadis Nabi SAW yang dibangunkan. Pembangunan tersebut bertujuan memudahkan umat Islam mendekati diri dengan sumber kedua Islam itu. Aplikasi-aplikasi yang dibangunkan sentiasa maju seiring dengan kemajuan baru yang terdapat dalam dunia ICT. Ia bukan sahaja dalam bentuk pendigitalan kitab-kitab hadis sahaja, malah dengan inovasi fungsi-fungsi termaju lain seperti mempunyai fungsi memberi gambar rajah sanad, fungsi takhrij dan lain-lain.

Antara platform digital hadis yang sering digunakan oleh orang ramai ialah platform digital berbentuk perisian. Rendah tahap dimanipulasi, data yang banyak serta mempunyai fungsi tambahan mesra pengguna menjadikan platform tersebut lebih popular. Banyak pihak yang bergantung kepada platform ini terutamanya dalam berinteraksi dengan teks. Namun, terdapat sesetengah pihak yang tidak melakukan sebarang semakan terhadap ketepatan teks-teks tersebut. Meskipun sesetengah perisian tersebut ada yang sering dinaik taraf sistem pengoperasiannya serta tahap kesilapan teks didakwa dikurangkan, namun tiada kajian terkini berkaitan perkara tersebut dilakukan. Bagi mengetahui tahap sebenar ketepatan teks yang terdapat perisian-perisian tersebut, satu kajian kes dilihat perlu dilakukan.

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji tahap ketepatan teks yang terdapat dalam beberapa perisian ilmu berkaitan Islam dengan memfokuskan terhadap dua perisian yang sering digunakan oleh umat Islam iaitu perisian al-Maktabah al-Syamilah versi 4.38 dan Jawami al-Kalim versi 4.5.

### **Pengenalan kepada Perisian Al-Maktabah al-Syamilah versi 4.38**

Perisian al-Maktabah al-Syamilah atau pun nama lainnya “al-Mausu’ah al-Syamilah” adalah satu perisian berbahasa Arab yang terbesar. Ia juga adalah perisian paling popular lantaran mempunyai kelebihan yang banyak. Antara kelebihan utamanya adalah mesra pengguna dan mengandungi sumber rujukan utama Islam yang banyak termasuk dalam bidang sejarah, bahasa dan budaya Arab. Perisian ini diedarkan dalam talian secara percuma dan boleh dimuat turunnya daripada lama web [www.shamela.ws](http://www.shamela.ws).

Perisian ini mula dibangunkan dan diedarkan untuk kali pertama pada tahun 2005. Sehingga kini versinya telah mencapai 4.38. Terdapat lebih kurang 6111<sup>1</sup> buah buku dengan ribuan jilid termasuklah kertas kerja persidangan, artikel, fatwa dan bahan-bahan ilmiah lain di dalamnya. Kebanyakan buku-buku yang terdapat di dalamnya adalah buku-buku klasik utama dalam bidang-bidang yang disebutkan tadi. Buku berkaitan hadis boleh dianggap di antara yang koleksi yang terbanyak yang terdapat dalam aplikasi ini.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Setakat maklumat pada 25/10/2013. Sumber <http://shamela.ws/index.php/page/official>.

<sup>2</sup> Terdapat maklumat yang menyatakan bahawa Dr. Nafi adalah orang yang bertanggungjawab membangunkan aplikasi ini. Tetapi tidak banyak diketahui tentang beliau dan orang-orang yang membantu beliau dalam membangunkannya. Buku-buku yang terdapat di dalamnya dikatakan kebanyakannya adalah hasil diterima daripada orang ramai. t.t. *Ma Qisah al-Syamilah wa Dr. Nafi*. Diakses Januari 20, 2014. <http://www.ahlalhdeth.com/vb/showthread.php?t=118839>.

Antara ciri mesra penggunaan aplikasi ini adalah pengguna boleh mengubah suai, menambah koleksi kitab, membuat salinan dengan mudah. Selain itu, walaupun mengandungi buku-buku yang banyak, tetapi perisian ini tidak berat. Maka tempoh apa-apa proses yang diambil adalah singkat.

Antar mukanya menggunakan bahasa Arab dan belum terdapat versi bahasa lain. Justeru, untuk menggunakannya, pengguna perlu mengetahui bahasa Arab dan istilah-istilah komputer dalam bahasa Arab. Sistem operasi yang digunakan adalah: Window. Kapasiti versi terbarunya pula adalah sekitar 14 GB.

Pada tahun 2020 telah terdapat versi terbarunya. Namun, ketika kertas kerja ini dibuat penulis belum sempat mengkajinya.

### **Fungsi-fungsi Utama**

Antara fungsi-fungsi utamanya adalah:

- Boleh dinaik taraf dari semasa ke semasa.
- Kemudahan membaca buku.
- Kemudahan carian teks Quran.
- Kemudahan melihat tafsir Quran.
- Kemudahan menyalin teks.
- Kemudahan memuat turun buku.
- Kemudahan menambah buku secara manual.
- Kemudahan memperbaiki kesilapan tulisan atau maktumat.
- Kemudahan mencari maklumat perawi.
- Kemudahan mengubah aturcara perisian, seperti saiz tulisan bentuk tulisan (font) warna tulisan dan gambar latar.
- Kemudahan-kemudahan tersebut turut dimudahkan lagi dengan fungsi-fungsi lain yang mesra pengguna bagi setiapnya.

Selain itu, buku-buku yang terdapat di dalamnya dikategorikan mengikut bidang atau ciri-ciri tertentu. Tujuannya untuk memudahkan proses pencarian.

Sebahagian buku yang terdapat di dalamnya mempunyai maklumat lengkap; nama pengarang, nama penerbit, nama pentahqiq, edisi, tahun terbit, tempat terbit mengikut edisi buku bercetak. Buku-buku tersebut, nombor-nombor turutannya, muka surat dan jilid yang terpapar padanya adalah mengikut susunan buku bercetak. Dengan itu ia boleh digunakan bagi tujuan akademik dan bagi tujuan rujukan lain. Ada pun sebahagian buku yang lain tidak mempunyai maklumat lengkap, maka maklumat nombor-nombor muka surat dan jilid yang terpapar padanya tidak boleh dijadikan sandaran ilmiah. Tetapi isi kandungannya adalah sama seperti buku asal.

Terkadang terdapat banyak kesilapan yang berlaku dari sudut ejaan, kehilangan perkataan dan kesilapan-kesilapan lain. Perkara ini banyak berlaku pada versi-versi awalnya, tetapi ia telah diperbaiki dari semasa ke semasa, malah kini para pengguna dapat memberi teguran atau memperbaiki sendiri kesilapan-kesilapan tersebut.

Bagi mereka yang mempunyai latar belakang bahasa Arab dan penguasaan terhadap karya arab dengan kuat, kesilapan-kesilapan tersebut mudah disedari. Kesilapan-kesilapan tersebut boleh dianggap kecil jika dibandingkan dengan usaha mereka yang menyalin buku-buku itu ke edisi digital dan menyumbangannya ke perisian ini tanpa mendapat apa-apa bayaran.

### **Pengenalan kepada Perisian Jawami al-Kalim**

Perisian Jawami al-Kalim merupakan sebuah perisian khusus berkaitan hadis yang berbahasa Arab. Perisian ini boleh dikategorikan sebagai aplikasi jenis termaju.<sup>3</sup> Ia telah dibangunkan oleh Syarikat Offok iaitu sebuah syarikat yang berpangkalan di Mesir.

Perisian ini mula dibangunkan pada tahun 1988 dan dijual kepada orang ramai. Pembangunnya telah mengambil masa selama 30 tahun untuk disiapkan sebelum dipasarkan pada tahun 2003. Para penyelidik yang terlibat dalam pembangunannya adalah seramai 350 orang.<sup>4</sup>

Orang yang bertanggungjawab membangunkan persian ini adalah Mahmoud al-Marakibi yang juga berasal dari Mesir. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1945 dan mempunyai latar belakang kejuruteraan dari Universiti 'Ain al-Syam, Mesir.<sup>5</sup> Beliau memulakan pembangunannya ketika menerajui Syarikat al-Turath yang berpangkalan di Mesir. Kemudian mula memasarkannya ketika beliau menerajui Syarikat al-Offok pada tahun 2003.

Hak milik perisian ini kemudian dibeli dan dibiayai oleh pemegang wasiat Qasim Darwisy Farkhro. Mereka kemudiannya mewakafkannya kepada umat Islam dengan kerjasama Kementerian Wakaf Qatar.<sup>6</sup> Kerjasama dari pihak kementerian tersebut merupakan suatu nilai tambah terhadap jaminan keautoritian isi kandungan perisian ini. Perisian kini boleh dimuat turun secara percuma daripada mana-mana laman web yang menyedia pautannya kerana dilaman web rasminya iaitu islamweb.net tidak lagi menyediakan kemudahan memuat turun. Malah menyediakan kod pautan bagi sesiapa yang mahu menyebarkannya melalui laman web lain. Dahulu ia juga terdapat dalam versi dalam taliannya yang boleh digunakan melalui laman web yang sama. Tetapi kini, laman tersebut sudah tidak lagi beroperasi.

Perisian ini mengandungi 1400 buku berkaitan hadis dan sedikit daripada beberapa bidang-bidang lain seperti tafsir, fekah dan aqidah. 543 buah buku daripadanya masih dalam bentuk manuskrip, iaitu belum dicetak.

---

<sup>3</sup> Perisian aplikasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu perisian asas dan perisian termaju. Perisian asas adalah perisian yang digunakan untuk meningkatkan produktiviti pengguna manakala perisian termaju pula adalah perisian untuk tujuan khusus dan memerlukan kepakaran untuk menggunakannya. Dengan bantuan komputer, kini anda boleh melaksanakan berbagai operasi yang dahulunya hanya boleh dilaksanakan oleh pakar yang terlatih. <http://rft3107.whatta.org/?p=489>. Dilihat pada 29hb Ogos 2012.

<sup>4</sup>t.t. *Ta'rif bi Jawami al-Kalim*. Diakses Oktober 25, 2013. <http://gk.islamweb.net:8080/GKAbout.pdf>.

<sup>5</sup>t.t. *al-Sirah al-Zatyyah li Mahmud Murakibi*. Diakses January 20, 2014. <http://mahmoudelmarakby.com/>.

<sup>6</sup> Kementerian waqaf adalah kementerian yang hal ehwal agama.

Selain itu, terdapat sebanyak 700 ribu sanad hadith telah digarap dan disertakan dengan hukum statusnya secara ringkas termasuklah kritikan terhadap perawi dalam sanad, di samping kemudahan capaian terhadap sanad-sanad lain atau hadis-hadis lain yang mempunyai kaitan dengan hadis tersebut. Malah seramai 41,928 ribu orang perawi telah dikaji status mereka dan dimuatkan maklumat mereka ke dalamnya.

### **Fungsi dan kelebihan**

Perisian ini mempunyai pelbagai fungsi jenis maju (advanced) yang tidak terdapat pada perisian hadis lain. Kesemua fungsi yang terdapat dalam perisian ini, menurut teks pengenalan ringkas kepada perisian ini, adalah 69. Secara ringkasnya antara fungsi dan kelebihan tersebut adalah:

- Teks yang berbaris. Terdapat baris bacaan bagi kebanyakan teks yang terdapat dalam perisian ini.
- Pautan kamus.
- Gambaran rajah sanad.
- Capaian maklumat hasil carian hadith seperti sumber, bab dan kitab.
- Memberi maklumat perawi
- Memberi maklumat tentang komentar ulama bagi setiap perawi
- Memberi maklumat status hadith.
- Kemudahan Takhrij.
- Memberi bilangan riwayat perawi.

Banyak lagi fungsi-fungsi maju yang lain. Aplikasi ini memudahkan capaian maklumat hasil carian seperti sumber hadis, memberi maklumat kedudukan hadis dalam kitab dan bab, memberi rantaian sanad berserta gambar rajahnya, memberi maklumat kritikan bagi setiap perawi, memberi maklumat hukum hadith, takhrij, mutaba'at, syawahid, atراف dan lain-lain lagi. Oleh kerana fungsi dan kelebihan ini, perisian ini boleh dianggap sebagai aplikasi hadis yang sangat bermanfaat.

Antara contoh kelebihan aplikasi ini adalah:

### **Fungsi Paparan**

Fungsi ini mengandungi:

- Paparan hadis
- Paparan sahabat

#### **Paparan hadis**

Fungsi ini boleh memaparkan hadis carian dengan data bilangan periwayatannya. Jenis carian hadis boleh dipilih melalui kotak pilihan yang disediakan.

#### **Paparan Sahabat**

Dalam bahagian boleh dilihat jenis sahabat mengikut:

- Jumlah riwayat
- Tempat tinggal
- Tempat wafat

- Kabilah
- Kedudukan
- Masa masuk Islam

### Fungsi carian

Fungsi ini membolehkan carian:

- Teks hadis
- Maklumat Perawi
- Maklumat Ulama
- Komentaar (al-Jarh wa al-Ta'dil)

### Carian teks hadis

Fungsi ini membolehkan carian teks hadis. Kata carian boleh dimasukkan daripada mana-mana bahagian tengah atau akhirnya. Pelbagai pilihan cara carian disediakan.

### Carian Maklumat Perawi

Maklumat perawi hadis boleh diketahui melalui beberapa cara. Antaranya dengan mengklik di atas mana-mana nama perawi yang terdapat dalam sanad hadis. Atau melalui bahagian carian perawi.

- Melalui sanad hadis.

Nama perawi dalam sanad hadis perlu diklik. Seterusnya paparan seperti berikut akan muncul:

The screenshot displays a comprehensive profile for the narrator 'Abdullah bin 'Abd al-Malik'. Key features include:

- Header Information:** Name (Nama penuh perawi), Generation (Generasi Perawi), and Lineage (Jantina Perawi).
- Biographical Data:** Full name (Kunyah perawi), birth date (Tahun wafat perawi), and other personal details.
- Academic and Professional Details:** Fields for profession (النوع), lineage (النسب), activity (النشاط), and school of thought (المذاهب).
- Genealogy:** A vertical list of teachers (Guru-guru Perawi) and students (Murid-murid Perawi) connected to the narrator.
- Commentaries:** A section for 'Komentar tentang perawi'.
- Additional Information:** Fields for residence (بلد الإقامة), family (الأقرباء), and other relevant details.

Paparan ini adalah contoh bagi perawi 'Abdullah bin 'Abd al-Malik. Paparan ini mengandungi lima bahagian penting;

1. Maklumat umum tentang perawi yang mengandungi maklumat berkaitan nama penuh perawi, jantintanya, nama masyhurnya, nama kunyahnya, nama masyhurnya, nisbahnya, sifatnya yang tertentu, gelarannya, kegiatannya, mazhabnya, statusnya, bilangan generasi, tahun wafat, tahun kematiannya, umurnya, tempat tinggalnya, tempatan kematiannya, keluarga terdekatnya, maulanya dan ulama yang meriwayatkan hadisnya.
2. Paparan komentar ulama hadis terhadap statusnya. Dalam paparan ini, semua komentar ulama terhadap perawi disenaraikan di sini.
3. Senarai nama gurunya.

4. Senarai murid perawinya.
5. Teks berkaitan dengan perawi yang terdapat dalam kitab Tahzib al-Kamal.


### **Kesilapan Berkaitan Teks dalam Perisian Digital Islam: al-Maktabah al-Syamilah dan Jawal' Al-Kalim**

Seperti yang telah dinyatakan tadi, pada awal kemunculan perisian-perisian berkaitan ilmu-ilmu Islam, banyak kesalahan teks telah dikesan berlaku terutamanya dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah. Namun, setelah versinya dinaiktaraf dan terdapat penambahbaikan dari sudut ketepatan teks, terdapat pengurangan dalam kesilapan-kesilapan tersebut. Dengan penambahbaikan tersebut, mungkin terdapat banyak teks yang telah diperbaiki. Namun, oleh kerana jumlah teks yang banyak, kemungkinan penambahbaikan tersebut tidak dapat dilakukan secara menyeluruh boleh berlaku.

Berbeza dengan perisian Jawami' al-Kalim, perisian ini tidak dapat dinaik taraf kerana tidak lagi dikendalikan oleh pembangunnya selepas hak miliknya telah dibeli oleh pewakaf. Jika terdapat sebarang kesilapan teks, ia tidak dapat diperbaiki. Namun kesilapan teks yang terdapat dalam perisian ini agak kurang jika dibandingkan dengan perisian al-Maktabah al-Syamilah di awal kemunculannya.

Berikut disenaraikan kesilapan berkaitan teks yang terdapat dalam dua perisian ini setelah dibandingkan dengan teks daripada sumber yang bercetak.

Contoh 1



Gambar 1: Teks daripada kitab al-Sarim al-Munki fi al-Rad 'ala al-Subki. Jilid 1, halaman 23.

[ هذا الكتاب من إضافات المستخدمين وليس صادراً عن الموقع الرسمي للمكتبة ]

هذا مع أن أعرف الناس بهذا الشأن في زمنه وأثبتهم في نافع وأعملهم بأخباره وأضبطهم لحديثه وأشهدهم باعتناء بما رواه ، مالك بن أنس إمام دار الهجرة قد نص على كراهية قول القائل زرت قبل النبي صلى الله عليه وسلم ، ولو كان هذا اللفظ معروفاً عنده أو مشروعاً أو مأثوراً عن النبي صلى الله عليه وسلم لم يكرهه ، ولو كان هذا الحديث المذكور من أحاديث نافع التي رواها عن ابن عمر لم يخف على مالك الذي هو أعرف الناس بحديث نافع ، ولرواه عن مالك بعض أصحابه الثقات ، فلما لم يروه عنه ثقة محتج به ويعتمد عليه علم أنه ليس من حديثه ، وأنه لا أصل له ، بل هو مما أدخل بعض الضعفاء المغفلين في طريقه فرواه وحدث به .  
وقد قال الحافظ أبو جعفر محمد بن عمر العقيلي في كتاب الضعفاء : موسى بن هلال البصري سكن الكوفة عن عبيد الله بن عمر . لا يصح حديثه ولا يتابع عليه .

Gambar 2: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah.

Daripada teks yang sama ini dalam contoh 1, dilihat terdapat perbezaan pada perkataan "قبر" yang terdapat dalam kitab al-Sarim al-Munki fi al-Rad 'ala al-Subki yang bercetak dan perkataan "قبل" dalam kitab tersebut dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah. Perbezaan ini memberi impak yang besar kerana maksud kedua-duanya yang berbeza.

Contoh 2

( ٣١٦ ) ( باب إيجاب الصدقة في الزبيب إذا بلغ خمسة أوسق . وفي القلب من هذا الإسناد ، ليس هذا الخبر مما سمعه عمرو بن دينار من جابر - علمي - ) .

Gambar 1: Teks daripada kitab Sahih Ibn Khuzaimah. Jilid 4, halaman 36.

باب إيجاب الصدقة في الزبيب إذا بلغ خمسة أوسق و في القلب من هذا الإسناد ليس هذا الخبر مما سمعه عمرو بن دينار من جابر علمي

Gambar 2: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah

Daripada teks yang sama ini dalam contoh 2, dilihat terdapat perbezaan pada perkataan "الإسناد" yang terdapat dalam kitab Sahih Ibn Khuzaimah yang bercetak dan perkataan "الإستاد" dalam kitab tersebut dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah. Terdapat kesilapan pada tulisan kitab tersebut dalam versi perisian al-Maktabah al-Syamilah.

Contoh 3

٢٣٠٤ - حدثنا بشر بن آدم ، حدثنا منصور بن زيد الموصلي ، حدثنا محمد بن مسلم -  
يعني الطائفي - عن عمرو بن دينار ، عن جابر بن عبد الله

أن رسول الله ﷺ قال : « ليس على الرجل المسلم زكاة في كرمه ولا  
زرعه إذا كان أقل من خمسة أوسق » .

Gambar 9: Teks daripada kitab bercetak Sahih Ibn Khuzaimah. Jilid 4, halaman 36.

2304 - حدثنا بشر بن آدم حدثنا منصور بن زيد الموصلي حدثنا محمد بن مسلم يعني الطائفي  
عن عمرو بن دينار عن جابر بن عبد الله : أن رسول الله صلى الله عليه و سلم قال : ليس على  
الرجل المسلم زكاة في كرمه و لا زرعه إذا كان من خمسة أوسق  
قال : إسناده ضعيف لسوء حفظ الطائفي وأعله المصنف بالانقطاع كما في الذي بعده ويعني عنه  
حديث أبي سعيد الذي قبله

Gambar 10: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah

باب إيجاب الصدقة في الزبيب إذا بلغ خمسة أوسق.  
وفي القلب من هذا الإسناد. ليس هذا الخبر مما سمعته عمرو بن دينار من جابر. علمي.  
(2157) - [2156] حدثنا بشر بن آدم. حدثنا منصور بن زيد الموصلي. حدثنا محمد بن مسلم  
يعني الطائفي. عن عمرو بن دينار. عن جابر بن عبد الله. أن رسول الله ﷺ قال: " ليس على  
الرجل المسلم زكاة في كرمه. ولا زرعه إذا كان أقل من خمسة أوسق ."

Gambar 11: Teks yang sama daripada perisian Jawami' al-Kalim

Daripada contoh ini, dilihat terdapat perbezaan pada satu teks hadis di antara kitab Sahih Ibn Khuzaimah yang bercetak dan perisian Jawami al-Kalim dengan perisian al-Maktabah al-Syamilah. Dalam kitab yang bercetak dan perisian Jawami al-Kalim, terdapat perkataan "أقل" dalam hadith tersebut. Sedangkan dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah perkataan tersebut tidak ada.

Contoh 4

٢٣٠٦ - حدثنا محمد بن يحيى ، حدثنا عبد الرازق ، حدثنا ابن جريج ، أخبرني عمرو بن دينار قال سمعته عن جابر بن عبد الله عن غير واحد عن جابر بن عبد الله قال :  
« ليس فيما دون خمسة أوسق من الحب صدقة ، وليس فيما دون خمسة أوسق من الحلو صدقة » .  
قال [ ٢٣٥ - أ ] أبو بكر : يعني بالحللو التمر وهذا هو الصحيح ، لا رواية محمد بن مسلم الطائفي ، وابن جريج أحفظ من عدد مثل محمد بن مسلم .

Gambar 9: Teks daripada kitab bercetak Sahih Ibn Khuzaimah. Jilid 4, halaman 37.

2306 - حدثنا محمد بن يحيى حدثنا عبد الرازق حدثنا ابن جريج أخبرني عمرو بن دينار قال سمعته عن جابر بن عبد الله عن غير واحد عن جابر بن عبد الله قال : ليس فيما دون خمسة أوسق من الحب صدقة و ليس فيما دون خمسة أوسق من الحلو صدقة  
قال أبو بكر : يعني بالحللو التمر و هذا هو الصحيح لا رواية محمد بن مسلم الطائفي و ابن جريج أحفظ من عدد مثل محمد بن مسلم

Gambar 10: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah

Dalam contoh ini, terdapat perbezaan pada satu teks yang sama yang terdapat nama perawi Ibn Jurajj pada kitab Sahih Ibn Khuzaimah yang bercetak dan perisian al-Maktabah al-Syamilah. Dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah namanya ditulis dengan "ابن جريج". Sedangkan tulisan yang betul ialah "ابن جريج".

Contoh 5

ثنا القاسم بن زكريا ، ثنا عبدالله بن هاشم الطوسي ، ثنا عبدالله بن نمير ، ثنا عتبة بن يقظان أو ابن أبي القظان ، عن داود بن علي عن أبيه ، عن ابن عباس قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : [ إن المؤمن خلق مفتوناً تواباً نسياً فإن ذكر ذكر ] .

Gambar 9: Teks daripada kitab bercetak al-Kamil fi Dhuafa al-Rijal. Jilid 3, halaman 958.

[من كتب الموقع الرسمي] الكامل في ضعفاء الرجال الإصدار : 1 http://www.shamela.ws  
حَدَّثَنَا الْقَاسِمُ بْنُ زَكْرِيَا، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ هَاشِمِ الطُّوسِيِّ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ نَمِيرٍ، حَدَّثَنَا عُتْبَةُ بْنُ يَظْقَانَ، أَوْ ابْنُ أَبِي الْقِظَّانِ عَنْ دَاوُدَ بْنِ عَلِيٍّ، عَنْ أَبِيهِ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْمُؤْمِنَ خُلِقَ مَفْتُونًا تَوَّابًا نَسِيًّا فَإِنْ ذَكَرَ ذَكَرَ .

Gambar 10: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah

(2795) - [3 : 559] ثنا أنس بن مالك، ثنا عبد الله بن هشيم الطوسي، ثنا عبد الله بن نمير، ثنا عتبة بن يقطين أو ابن أبي اليقطين، عن داود بن علي، عن أبيه، عن ابن عباس، قال رسول الله ﷺ: "إن المؤمن خفق نطقاً ثوباً ثوباً فإِنْ ذَكَرَ ذَكَرَ

Gambar 11: Teks yang sama daripada perisian Jawami' al-Kalim

Dalam contoh ini, terdapat perbezaan pada satu teks yang sama yang terdapat nama perawi Abdullah bin Numair pada kitab al-Kamil fi Dhuafa al-Rijal yang bercetak dan perisian al-Maktabah al-Syamilah. Dalam perisian al-Maktabah terdapat kesilapan cetakan pada perkataan بيم yang sebenarnya ialah بن. Kesilapan tersebut tidak berlaku dalam perisian Jawami' al-Kalim.

#### Contoh 6

وقد روى الأحوص بن حكيم، عن أبي الزاهرية، عن جبير بن نفير، قال معاذ بن جبل: إن النبي ﷺ احتجم وهو صائم.

وروى عن خالد بن معدان، عن عباد بن الصامت، عن النبي ﷺ قال: «يَكُونُ فِي أُمَّتِي رَجُلٌ يُقَالُ لَهُ: وَهَبُ، يَهَبُ اللَّهُ لَهُ الْحِكْمَةَ، وَرَجُلٌ يُقَالُ لَهُ: غِيْلَانُ هُوَ أَضْرُّ عَلَى أُمَّتِي مِنْ إِبْلِيسَ»<sup>(١)</sup>.

حدثناه أبو يعلى، قال: حدثنا الهيثم بن خارجة، قال: حدثنا الوليد بن مسلم، عن مروان بن سالم القرقيساني، عن الأحوص بن حكيم، عن خالد بن معدان.

على أن مروان بن سالم أيضاً واه، لا يشتغل بروايته.

وقد روى عن خالد بن معدان، عن ابن عمر، قال: قال رسول الله ﷺ: «مَنْ صَلَّى الْفَجْرَ [ثُمَّ] جَلَسَ فِي مُصَلَّاهُ يَذْكُرُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ مِنَ الصُّحَى كَانَتْ لَهُ صَلَاتُهُ تَعْدِلُ حَجَّةً وَعُمْرَةً مُتَقَبَّلَتَيْنِ»<sup>(٢)</sup>.

Gambar 9: Teks daripada kitab bercetak al-Majruhin. Jilid 1, halaman 198.



Contoh 7

## ربيعي بن حراش عن عثمان رضي الله عنه

٣٣٧ - أخبرنا أبو الفتوح يوسف بن المبارك بن كامل بن الحسين بن محمد الخفاف - قراءة عليه ببغداد - قيل له: أخبركم أبو بكر، محمد بن عبد الباقي بن محمد البزار - قراءة عليه وأنت تسمع - أنا: أبو الفرج، أحمد بن عثمان بن الفضل بن جعفر المجنزي، أنا أبو القاسم عبيد الله بن محمد بن حبان، أنا أبو القاسم، عبدالله بن محمد بن عبد العزيز البغوي، حدثني يوسف بن موسى، وأحمد بن منصور وغيرهما، قالوا: أنا عبيد الله بن موسى، عن أبي سيدان، عبيد بن الطفيل، قال: حدثني ربيع بن حراش، عن عثمان، أنه خطب إلى عمر ابنته فرده، فبلغ النبي ﷺ، فلما راح إليه عمر، قال: «يا عمر، أدلك على ختن خير لك من عثمان، وأدل عثمان على ختن خير منك؟» قال: نعم يا نبي الله. «قال: زوجني ابنتك، وأزوج عثمان ابنتي».

Gambar 3: Teks daripada kitab bercetak al-Ahadith al-Mukhtarah. Jilid 1, halaman 462.

http://www.shamela.ws 1: إحصاء 1: كتاب الموقر برسوم | أحاديث المختارة = المستخرج من الأحاديث المختارة مما لم يخرج به البخاري ومسلم في صحيحيهما

ربيعي بن حراش عن عثمان رضي الله عنه

337 - أخبرنا أبو الفتوح يوسف بن المبارك بن كامل بن الحسين بن محمد الخفاف قراءة عليه ببغداد قيل له أخبركم أبو بكر محمد بن عبد الباقي بن محمد البزار قراءة عليه وأنت تسمع أنا أبو الفرج أحمد بن عثمان بن الفضل بن جعفر المجنزي أنا أبو القاسم عبيد الله بن محمد بن حبان أنا أبو القاسم عبد الله بن محمد ابن عبد العزيز البغوي حدثني يوسف بن موسى وأحمد بن منصور وغيرهما قالوا أنا عبيد الله بن موسى عن أبي سيدان عبيد بن الطفيل قال حدثني ربيع بن حراش عن عثمان أنه خطب إلى عمر ابنته فرده فبلغ النبي صلى الله عليه وسلم فلما راح إليه عمر قال يا عمر أدلك على ختن خير لك من عثمان وأدل عثمان على ختن خير منك قال نعم يا نبي الله قال زوجني ابنتك وأزوج عثمان ابنتي

Gambar 4: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah.

(308) - [ 308 ] أَخْبَرَنَا أَبُو الْفَتْوحِ يُوسُفُ بْنُ الْمُبَارَكِ بْنِ كَامِلِ بْنِ الْحُسَيْنِ بْنِ مُحَمَّدِ الْخُفَّافِ،  
قِرَاءَةً عَلَيْهِ بِبَغْدَادَ. قِيلَ لَهُ: أَخْبِرْكُمْ أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْبَاقِي بْنِ مُحَمَّدِ الْبَزَّازِ. قِرَاءَةً عَلَيْهِ وَأَنْتَ  
تَسْمَعُ. أَنَا أَبُو الْفَرَجِ أَحْمَدُ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ الْفَضْلِ بْنِ جَعْفَرِ الْمُخْبِزِيِّ. أَنَا أَبُو الْقَاسِمِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ  
مُحَمَّدِ بْنِ حَبَّانَ. أَنَا أَبُو الْقَاسِمِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْبَغَوِيِّ. حَدَّثَنِي يُوسُفُ بْنُ  
مُوسَى، وَأَحْمَدُ بْنُ مَنْصُورٍ، وَغَيْرُهُمَا، قَالُوا: أَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى. عَنْ أَبِي سَيِّدَانَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ  
الطَّفَيْلِ. قَالَ: حَدَّثَنِي رَبِيعُ بْنُ حِرَاشٍ. عَنْ عُثْمَانَ. أَنَّهُ خَطَبَ إِلَى عُمَرَ ابْنَتَهُ فَرَدَّهُ. فَبَلَغَ النَّبِيُّ ﷺ  
فَلَمَّا رَاحَ إِلَيْهِ عُمَرُ. قَالَ: " يَا عُمَرُ. أَذَلِكَ عَلَى خَتَنِ خَيْرٍ لَكَ مِنْ عُثْمَانَ. وَأَذَلَّ عُثْمَانَ عَلَى خَتَنِ  
خَيْرٍ مِنْكَ؟ قَالَ: نَعَمْ يَا نَبِيَّ اللَّهِ. قَالَ: زَوَّجَنِي ابْنَتَكَ. وَأَزَّوَجَ عُثْمَانَ ابْنَتِي ". هَذَا إِسْنَادٌ لَا بَأْسَ  
بِهِ. لَكِنْ فِي الصَّحِيحِ: أَنَّ عُمَرَ عَرَضَ عَلَى عُثْمَانَ حَفْصَةَ لِيُنِكَحَهَا إِثَاءَهُ. فَرَدَّ عَلَيْهِ: قَدْ بَدَأَ لِي الْآ



Gambar 5: Teks yang sama daripada perisian Jawami' al-Kalim.

Daripada contoh ini, dilihat terdapat perbezaan pada satu teks yang sama yang terdapat nama perawi Uthman bin al-Fadl bin Ja'far al-Mujnizi pada kitab al-Ahadith al-Mukhtarah yang bercetak, perisian al-Maktabah al-Syamilah dan perisian Jawami al-Kalim. Pada kitab yang bercetak, nisbahnya ditulis dengan "المجنزي", begitu juga dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah. Dalam perisian Jawami al-Kalim, nisbahnya ditulis dengan "المخبزي".

Berkaitan perawi ini, beberapa versi tulisan nisbah beliau dikesan dalam beberapa tempat dalam kitab yang bercetak. Namun tulisan nisbah tersebut adalah sama dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah dan perisian Jawami' al-Kalim seperti versi yang bercetak.

Contoh 1

بَابُ الْقَافِ  
٧٩٠٩ - س: قَتِيلَةُ بِنْتُ صَيْفِي الْأَنْصَارِيَّةِ، وَقِيلَ: الْجُهَنِيَّةِ.  
وكانت من المهاجرات الأول.  
روت عن: النَّبِيِّ ﷺ (س).  
روى عنها: عبدالله بن يسار الجهني (س).  
روى لها النسائي، وقد وقع لنا حديثها بعلو.  
أخبرنا به أبو الحسن ابن البخاري، وعبدالرحيم بن  
عبد الملك، وأحمد بن شيبان، قالوا: أخبرنا أبو حفص بن طبرزد،  
قال: أخبرنا أبو محمد يحيى بن علي ابن الطراح، قال: أخبرنا  
أبو الفرج أحمد بن عثمان بن الفضل بن جعفر المخبزي، قال:  
أخبرنا أبو القاسم عبيد الله بن محمد بن إسحاق بن حبابة، قال:

Gambar 6: Teks daripada kitab bercetak Tahzib Kamal fi Asma' li al-Rijal. Jilid 35, halaman 270.

( باب القاف )

7909 - س قتيلة بنت صيفي الأنصارية وقيل الجهنية وكانت من المهاجرات الأول روت عن النبي صلى الله عليه و سلم س روى عنها عبد الله بن يسار الجهني س روى لها النسائي وقد وقع لنا حديثها بعلو أخبرنا به أبو الحسن بن البخاري وعبد الرحيم بن عبد الملك وأحمد بن شيبان قالوا أخبرنا أبو حفص بن طبرزد قال أخبرنا أبو محمد يحيى بن علي بن الطراح قال أخبرنا أبو الفرج أحمد بن عثمان بن الفضل بن جعفر المخبري قال أخبرنا أبو القاسم عبيد الله بن محمد بن إسحاق بن حبابة قال أخبرنا أبو بكر محمد بن إبراهيم بن نيزوز الأماطي قال أخبرنا أبو بكر محمد بن بشار بندار بالبصرة قال حدثنا يحيى بن سعيد القطان قال حدثنا المسعودي عن معبد بن خالد عن عبد الله بن يسار عن قتيلة بنت صيفي الجهنية قالت جاء خبر من الأحبار إلى رسول الله صلى الله عليه و سلم فقال يا محمد نعم القوم أنتم لولا أنكم تشركون

Gambar 7: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah.

(4012) - [35 : 270] أخبرنا به أبو الحسن بن البخاري. وعبد الرحيم بن عبد المنك، وأحمد بن شيبان، قائلوا: أخبرنا أبو حفص بن طبرزد، قال: أخبرنا أبو محمد يحيى بن علي بن الطراح، قال: أخبرنا أبو الفرج أحمد بن عثمان بن الفضل بن جعفر المخبري، قال: أخبرنا أبو القاسم عبيد الله بن محمد بن إسحاق بن حبابة، قال: أخبرنا أبو بكر محمد بن إبراهيم بن نيزوز الأماطي، قال: أخبرنا أبو بكر محمد بن بشار بندار بالبصرة، قال: حدثنا يحيى بن سعيد القطان، قال: حدثنا المسعودي، عن معبد بن خالد، عن عبد الله بن يسار، عن قتيلة بنت صيفي الجهنية، قالت: جاء خبر من الأحبار إلى رسول الله ﷺ فقال: يا محمد، نعم القوم أنتم، لولا أنكم تشركون، قال: سبحان الله، وما ذلك؟ قال: تقولون إذا حلفتم: والكعبة، فأمنهن رسول الله ﷺ شيئاً، ثم قال: من حلف فليحلف برب الكعبة. ثم قال: نعم القوم أنتم لولا أنكم تجعلون لله نداً. قال: سبحان الله، وما ذلك؟ قال: تقولون: ما شاء الله وفلان، فأمنهن رسول الله ﷺ ثم قال: من قال: ما شاء الله، فليحلفن بينهما ثم شئت. وقد وقع لنا أغلى من هذا بدرجة، وفي طريقه إجازة




Gambar 8: Teks yang sama daripada perisian Jawami' al-Kalim.

Dalam contoh ini, tidak terdapat perbezaan pada satu teks yang sama yang terdapat nama perawi Uthman bin al-Fadl bin Ja'far al-Mujnizi pada kitab Tahzib Kamal fi Asma' li al-Rijal yang bercetak, perisian al-Maktabah al-Syamilah dan perisian Jawami al-Kalim. Nisbahnya pada ketiga-tiga versi tersebut ditulis dengan “المخبري”.

Contoh 2

٣٦٠ - أخبرنا أبو الفتوح، يوسف بن المبارك بن كامل الخفاف - قراءةً عليه ببغداد - قيل له: أخبركم أبو بكر، محمد بن عبد الباقي بن محمد البزار - قراءةً عليه - أنا أبو الفرج، أحمد بن عثمان بن الفضل بن جعفر المحمزي، أنا أبو القاسم، عبدالله بن محمد بن إسحاق بن حبابه، أنا أبو القاسم، عبدالله بن محمد بن عبد العزيز البغوي، ثنا محمد بن عبد الملك بن زنجويه، ثنا علي بن معبد، وعبدالله بن جعفر، وأبو نصر التمار - واللفظ لأبي نصر - ثنا عبدالله بن عمرو

Gambar 9: Teks daripada kitab bercetak al-Ahadith al-Mukhtarah. Jilid 1, halaman 484.



Gambar 10: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah

(336) - [ 336 ] أخبرنا أبو الفتوح يوسف بن المبارك بن كامل الخفاف، قراءةً عليه ببغداد، قيل له: أخبركم أبو بكر محمد بن عبد الباقي بن محمد البزار، قراءةً عليه. أنا أبو الفرج أحمد بن عثمان بن الفضل بن جعفر المحمزي، أنا أبو القاسم عبد الله بن محمد بن إسحاق بن حبابه، أنا أبو القاسم عبد الله بن محمد بن عبد العزيز البغوي، ثنا محمد بن عبد الملك بن زنجويه، ثنا علي بن معبد، وعبد الله بن جعفر، وأبو نصر التمار، واللفظ لأبي نصر، ثنا عبد الله بن عمرو الرقي، عن زيد بن أبي أنيسه، عن أبي إسحاق، عن أبي عبد الرحمن السلمي، قال: لما حضر عثمان، رحمه الله، وأحيط بداره، أشرف على الناس، فقال: أنشدكم بالله، هل تعلمون أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "ثبت جزاء، فما عليك إلا نبي أو صديق أو شهيد" قالوا: اللهم نعم. قال: أنشدكم بالله



Gambar 11: Teks yang sama daripada perisian Jawami' al-Kalim

Dalam contoh ini, tidak terdapat perbezaan pada satu teks yang sama yang terdapat nama perawi Uthman bin al-Fadl bin Ja'far al-Mahzi pada kitab Tahzib Kamal fi Asma' li al-Rijal yang bercetak, perisian al-Maktabah al-Syamilah dan perisian Jawami al-Kalim. Nisbahnya pada ketiga-tiga versi tersebut ditulis dengan "المحزي".

Contoh 3

الأحاديث المختارة ٤٧٠

٣٤٤ - أَخْبَرَنَا يَوْسُفُ بْنُ الْمُبَارَكِ بْنِ كَامِلٍ - بَيْغَدَادَ - أَنَّ مُحَمَّدَ بْنَ عَبْدِ الْبَاقِي الْأَنْصَارِيِّ أَخْبَرَهُمْ - قِرَاءَةً عَلَيْهِ - أَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَثْمَانَ بْنِ الْفَضْلِ الْمَخْزِيِّ، أَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ حَبَابَةَ، أَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ الْبَغَوِيِّ، ثنا أَبُو خَيْثَمَةَ، ثنا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ مَهْدِيٍّ، ثنا إِسْرَائِيلُ، عَنْ عَامِرِ بْنِ شَقِيقٍ، عَنْ شَقِيقٍ، قَالَ: رَأَيْتُ عَثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ تَوَضَّأَ: فغَسَلَ كَفَيْهِ ثَلَاثًا، وَمَضْمَضَ ثَلَاثًا، وَاسْتَنْشَقَ ثَلَاثًا، وَغَسَلَ رِجْلَيْهِ ثَلَاثًا، وَخَلَّلَ أَصَابِعَهُ، وَخَلَّلَ لِحْيَتَهُ حِينَ غَسَلَ وَجْهَهُ. وَقَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَعَلْتُ كَمَا رَأَيْتُمُونِي فَعَلْتُ.

أما صفة الوضوء، فقد روي في «الصحيح»<sup>(١)</sup> من غير وجه، ولم يذكر فيه التخليل، ومسح الأذنين. والله أعلم.

Gambar 9: Teks daripada kitab bercetak al-Ahadith al-Mukhtarah. Jilid 1, halaman 470.

http://www.shamela.ws الإصدار 1 لأحاديث المختارة = المستخرج من الأحاديث المختارة مما لم يخرج به البخاري ومسلم في صحيحيهما ككتاب الموقع الرسمي

344 - أَخْبَرَنَا يَوْسُفُ بْنُ الْمُبَارَكِ بْنِ كَامِلٍ بَيْغَدَادَ أَنَّ مُحَمَّدَ بْنَ عَبْدِ الْبَاقِي الْأَنْصَارِيِّ أَخْبَرَهُمْ قِرَاءَةً عَلَيْهِ أَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَثْمَانَ بْنِ الْفَضْلِ الْمَخْزِيِّ أَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ حَبَابَةَ أَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ الْبَغَوِيِّ ثنا أَبُو خَيْثَمَةَ ثنا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مَهْدِيٍّ ثنا إِسْرَائِيلُ عَنْ عَامِرِ بْنِ شَقِيقٍ عَنْ شَقِيقٍ قَالَ رَأَيْتُ عَثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ تَوَضَّأَ فغَسَلَ كَفَيْهِ ثَلَاثًا وَمَضْمَضَ ثَلَاثًا وَاسْتَنْشَقَ ثَلَاثًا وَغَسَلَ رِجْلَيْهِ ثَلَاثًا وَخَلَّلَ أَصَابِعَهُ وَخَلَّلَ لِحْيَتَهُ حِينَ غَسَلَ وَجْهَهُ وَقَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلْتُ كَمَا رَأَيْتُمُونِي فَعَلْتُ

أما صفة الوضوء فقد روي في الصحيح من غير وجه ولم يذكر فيه التخليل ومسح الأذنين والله أعلم (إسناده ضعيف)

Gambar 10: Teks yang sama daripada perisian al-Maktabah al-Syamilah

(315) - [ 315 ] أَخْبَرَنَا يُوسُفُ بْنُ الْمُبَارَكِ بْنِ كَامِلٍ بَيْغَدَادِيٌّ: أَنَّ مُحَمَّدَ بْنَ عَبْدِ الْبَاقِي الْأَنْصَارِيَّ أَخْبَرَهُمْ، قَرَأَهُ عَلَيْهِ، أَنَا أَحْمَدُ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ الْفَضْلِ الْمَخْبَرِيِّ . أَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ خُبَابَةَ. أَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ الْبَغَوِيِّ. ثَنَا أَبُو خَيْثَمَةَ. ثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مَهْدِيٍّ، ثَنَا إِسْرَائِيلُ. عَنْ عَامِرِ بْنِ شَقِيقٍ، عَنْ شَقِيقٍ. قَالَ: رَأَيْتُ عُثْمَانَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، تَوَضَّأَ: فَغَسَلَ كَفَّيْهِ ثَلَاثًا، وَمَضْمَضَ ثَلَاثًا، وَاسْتَنْشَقَ ثَلَاثًا، وَغَسَلَ رِجْلَيْهِ ثَلَاثًا، وَخَلَّلَ أَصَابِعَهُ، وَخَلَّلَ لَحْيَتَهُ حِينَ غَسَلَ وَجْهَهُ. وَقَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَعَلَّ كَمَا رَأَيْتُمُونِي فَعَلْتُ. أَمَّا صِفَةُ الْوُضُوءِ، فَقَدْ زَوَى فِي الصَّحِيحِ مِنْ غَيْرِ وَجْهِ، وَلَمْ يُذَكَّرْ فِيهِ التَّخْلِيلُ، وَمَسَحَ الْأَذْنَيْنِ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ



اسم الكتاب: الأحكام المختارة  
عبد الفتاح:

Gambar 11: Teks yang sama daripada perisian Jawami' al-Kalim

Dalam contoh ini, tidak terdapat perbezaan pada satu teks yang sama yang terdapat nama perawi Uthman bin al-Fadl bin Ja'far al-Mahzi pada kitab Tahzib Kamal fi Asma' li al-Rijal yang bercetak, perisian al-Maktabah al-Syamilah dan perisian Jawami al-Kalim. Nisbahnya pada ketiga-tiga versi tersebut ditulis dengan “المخبري”.

Lantaran aplikasi ICT merupakan suatu paradigma baru dalam dunia pengajian Islam. Maklumat jelas tentang penggunaannya, ciri-ciri kemudahan dan keistemewaannya perlu didedahkan. Ini kerana mutu aplikasi-aplikasi tersebut semakin bertambah baik dan kini sudah mencapai tahap yang memuaskan jika dibandingkan mutunya di zaman awal kemunculannya. Jika terdapat beberapa kesilapan, perkara itu boleh dianggap kecil kerana ia adalah perkara biasa dalam mana-mana hasil kerja manusia hatta pada hasil kerja ulama besar. Usaha yang telah dilakukan oleh pihak pembangunnya, jika diamati, adalah usaha yang mempunyai ketelitian walaupun terdapat kesilapan. Apa yang penting adalah para pengajar mesti mengatasi faktor kejanggalan, peka serta memahami cara membetulkan kesilapan yang berlaku di dalamnya.<sup>7</sup>

## KESIMPULAN

Tidak dinafikan bahawa aplikasi ICT berkaitan ilmu-ilmu Islam telah banyak membantu umat Islam dalam berinteraksi dengan teks-teks ilmu Islam. Namun, daripada contoh-contoh kesilapan teks yang dipaparkan dalam kertas kerja ini didapati bahawa terdapat beberapa kesilapan tulisan dalam beberapa teks dalam perisian al-Maktabah al-Syamilah dan perisian Jawami al-Kalim. Justeru, disarankan agar para pengguna aplikasi-aplikasi tersebut perlu peka terhadap kesilapan yang berkemungkinan berlaku dalam aplikasi-aplikasi itu dari sudut tulisan lantaran walaupun aplikasi itu canggih namun semuanya dibina oleh manusia. Manusia tidak terlepas dari melakukan kesilapan. Para pengguna juga dinasihatkan agar tidak mengambil langsung teks yang terdapat dalam aplikasi-

<sup>7</sup> A. Irwan Santeri Doll Kawaid. Inovasi dalam Pengajaran Hadis: Penggunaan Laman Web Islamweb Dalam Pengkajian Sanad.” Dalam *Sunnah Inspirasi Inovasi Dan Transformasi*, oleh, 7-24. Kuala Lumpur: Dar al-Syakir. 2012.

aplikasi tersebut. Sebaliknya menyemaknya dahulu dengan salinan bercetak atau versi PDF yang didigitalkan daripada kitab yang bercetak.

## **RUJUKAN**

A Irwan Santeri Doll Kawaid. Inovasi dalam Pengajaran Hadis: Penggunaan Laman Web Islamweb Dalam Pengkajian Sanad.” Dalam Sunnah Inspirasi Inovasi Dan Transformasi, oleh, 7-24. Kuala Lumpur: Dar al-Syakir. 2012.

Al-Maqdisi, Muhammad bin ‘Abd al-Wahid. al-Ahadis al-Mukhtarah. Ed. 4. Beirut: Dar Khudhur. 1421/2001.

Al-Maqdisi, Muhammad bin Ahmad. al-Sarim al-Munki fi al-Rad ‘ala al-Subki. Ed. 2. Beirut: Muassasah al-Rayyan. 1424/2003.

Al-Mizzi, Yusuf bin ‘Abd al-Rahman. Tahzib al-Kamal. Beirut: Muassasah al-Risalah. 1413/1992.

Ibn ‘Adi, ‘Abdullah bin ‘Adi. Al-Kamil fi Dhu’afa’ al-Rijal. Beirut: Dar Fikr. 1404/1984.

Ibn Hibban. Muhammad bin Hibban al-Busti. Al-Majruhin. Dar al-Shumay’i. 1420/2000.  
Ibn Khuzaimah. Muhammad bin Ishaq. Sahih Ibn Khuzaimah. Al-Maktab al-Islami. T.t.

Ma Qisah al-Syamilah wa Dr. Nafi'. t.t. Diakses Januari 20, 2014.  
<http://www.ahlalhdeth.com/vb/showthread.php?t=118839>.

<http://gk.islamweb.net:8080>. t.t. Diakses Januari 20, 2014.